

**SOALAN NO: 59 57**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]**

**TARIKH : 19 Oktober 2015**

**SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail minta  
MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
jumlah nelayan yang terjejas akibat  
cuasa jerebu yang melanda negara  
mengakibatkan para nelayan tidak  
boleh turun ke laut dan apakan tindakan  
Kementerian bagi membantu golongan  
berkenaan**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sehingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak menerima sebarang aduan secara rasmi daripada para nelayan berhubung permasalahan yang timbul akibat jerebu. Namun begitu, didapati pendaratan ikan pada bulan September 2015 mencatatkan penurunan sebanyak 48.9% iaitu sebanyak 57.06 metrik tan berbanding 84.95 metrik tan pada bulan September 2014.

Berdasarkan maklumbalas dan tinjauan yang dibuat oleh Pejabat Perikanan Negeri, vesel-vesel penangkapan ikan masih beroperasi seperti biasa walaupun jarak penglihatan di laut adalah terhad. Sehubungan itu, bagi mengelakkan sebarang kemalangan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menasihatkan para nelayan untuk mengambil langkah-langkah keselamatan seperti memakai jaket keselamatan dan memastikan peralatan keselamatan seperti pelampung keselamatan dan lampu suluh tersedia di dalam bot. Di samping itu, Jabatan Perikanan Malaysia turut memastikan lampu pemandu di kuala-kuala

beroperasi dengan baik dan pusat kawalan sentiasa dalam keadaan bersedia serta beroperasi 24 jam.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga telah mengambil langkah proaktif dengan memaklumkan bacaan indeks IPU dari masa ke semasa kepada nelayan melalui Ketua Daerah Perikanan dan Persatuan Nelayan Kawasan.